

ALOR SETAR, 20 FEB. (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENGUMUMKAN PENGECEUALIAN CUKAI PENDAPATAN KEATAS JUMLAH WANG YANG DIBAYAR KEPADA ZAKAT.

PENGECEUALIAN ITU BERTUJUAN MERENGANKAN BEBANAN ORANG-ORANG ISLAM YANG DISAMPING TERPAKSA MEMBAYAR CUKAI PENDAPATAN JUGA DIKENAKAN MEMBAYAR ZAKAT, KATANYA KETIKA BERUCAP DI PERAYAAN MAULUD NABI DI MAKTAB PENGAJIAN ISLAM KEDAH DI KEPLU, 28 BATU DARI SINI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENGHADIAHKAN 174 BUAH KERUSI DAN MEJA BERTARIFA \$6,000 KEPADA MAKTAB BERKENAAN.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, KERAJAAN BERPENDAPAT RAMAI ORANG ISLAM YANG MEMBAYAR CUKAI PENDAPATAN JUGA DIKENAKAN MEMBAYAR ZAKAT.

BAGAIMANAPUN, KADANGKALA SETENGAH DARI MEREKA TIDAK MEMBAYAR ZAKAT KERANA MEREKA TELAH MEMBAYAR CUKAI PENDAPATAN.

OLEH ITU KERAJAAN SEKARANG BERSETUJU SUPAYA WANG BAYARAN ZAKAT ITU DIKECEUALIKAN DARIPADA TAKSIRAN JUMLAH BAYARAN CUKAI PENDAPATAN, + TAMBAHNYA.

BELIAU MENERANGKAN JIKA SESEORANG ITU DI TAKSIRKAN KENA MEMBAYAR \$500 CUKAI PENDAPATAN DAN \$100 BAYARAN ZAKAT, MULAI SEKARANG IA AKAN MEMBAYAR \$100 KEPADA ZAKAT DAN CUMA \$400 CUKAI PENDAPATAN. — BERSAMBUNG 1257/LK

CC

5529

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

TEGASNYA, DENGAN CARA INI BEBANAN MEREKA TIDAKLAH BERTAMBAH JIKA DIBANDINGKAN DENGAN ORANG-ORANG LAIN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERHARAP ORANG-ORANG ISLAM MENEMUKAN TANGGUNGJAWAB MEMBAYAR ZAKAT DENGAN LEBIH BAIK KERANA ZAKAT DAN MEMBIAYAI LEBIH BANYAK LAGI PROJEK-PROJEK DAN KEGIATAN AGAMA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ADALAH TIDAK KENA BAGI UMAT ISLAM MEMBIARKAN HANYA PENANAM PADANG MEMBAYAR ZAKAT KERANA MEREKA JUGA MEMPUYAI TANGGUNGJAWAB YANG BERAT.

BELIAU MENYERU UMAT ISLAM YANG MEMPUYAI HARTA YANG BOLEH DITAKSIRKAN SUPAYA MEMBAYAR ZAKAT SEPERTI YANG DIKEHENDAKI OLEH AGAMA.

KATANYA, UNDANG-UNDANG MENGENAI BAYARAN ZAKAT TIDAK PERLU KERANA TAKSIRAN BAYARAN ZAKAT BOLEH DIBUAT OLEH JABATAN AGAMA ISLAM.

BAGAIMANAPUN, SESEORANG ISLAM ITU TIDAKLAH BOLEH MEMBAYAR ZAKAT SEHINGGA MELEBIHI JUMLAH YANG SEPATINYA, UJAR BELIAU. — BERNAMA 1301/LK